

24/02/2003

PM terima kunjungan pemimpin NAM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai atur cara yang sibuk semalam dengan mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pemimpin NAM di luar Sidang Kemuncak ke-13 pergerakan itu.

Perdana Menteri bertemu sekurang-kurangnya tujuh pemimpin selain merasmikan Forum Perniagaan NAM di Petaling Jaya.

Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, adalah pemimpin pertama mengunjungi Dr

Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat sidang kemuncak enam

hari bermula Khamis lalu itu diadakan. Perbincangan mereka berlangsung kira-kira 30 minit.

Ia diikuti perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Nepal, Lokendra Bahadur Chand, dan selepas itu Dr Mahathir ke Sunway Lagoon Resort Hotel di Petaling Jaya, untuk menyampaikan ucap-tama pada forum perniagaan NAM.

Beliau kemudian meneruskan perbincangan dua hala pada tengah hari dengan

Perdana Menteri Papua New Guinea, Sir Michael Somare; Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo dan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki.

Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee dan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri, juga turut mengunjungi Dr Mahathir.